

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 NOVEMBER 2016

PM akan saksi tandatangan kontrak ECRL

BH-1/11/2016

➔ Projek mulai 2017 bakal bangun bandar kecil di Pantai Timur

**Shariffudin
Mohamed**



► Beijing

Kadar faedah pinjaman yang diperoleh dari China untuk membiayai projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) yang dijadual bermula tahun depan amat kompetitif.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata Malaysia tidak akan mendapat kadar faedah yang begitu rendah jika meminjam di pasaran antarabangsa.

Bercakap kepada media Malaysia selepas menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Ros-

mah Mansor di Hotel China World di sini, semalam, Mohd Irwan berkata, projek ECRL akan membawa pembangunan kepada bandar kecil sepanjang laluan itu dari Gombak, Selangor ke Dungun, Terengganu dan seterusnya ke Tumpat di Kelantan.

Hadir mesyuarat meja bulat Najib yang melakukan lawatan rasmi selama tujuh hari akan menyaksikan sekurang-kurangnya 20 perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani oleh kedua-dua negara dan syarikat dari negara masing-masing.

Perdana Menteri juga akan menghadiri mesyuarat meja bulat bersama kira-kira 30 tokoh perniagaan China dan bertemu dengan pengasas syarikat e-dagang terbesar di China, Alibaba, Jack Ma.

Kontrak pembinaan ECRL diberikan kepada syarikat China Com-



[FOTO IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI]

Ketibaan Najib bersama Rosmah disambut Duta Malaysia ke China, Datuk Zainuddin Yahya dan isteri, Datin Fairos Ishak serta Naib Menteri Luar China, Liu Zhen Min di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing.

**Fakta
nombor**

20 MOU

akan ditandatangani oleh syarikat dari kedua-dua negara

30 TOKOH

perniagaan China hadir mesyuarat meja bulat bersama PM

munication Construction Company Ltd (CCCC), manakala perjanjian kewangan akan dibuat dengan Export-Import Bank of China (EXIM).

Butiran kontrak dan rangka kerja kewangan akan ditandatangani pada masa lawatan Najib ini.

Penduduk manfaat projek

Mohd Irwan berkata, bandar seperti Mentakab, Dungun dan Tumpat sudah pasti dapat berkembang dengan pesat, sekali gus penduduk mendapat faedahnya.

“Dengan kewujudan landasan itu, segala produk keluaran Pantai Timur Semenanjung akan mudah dibawa ke Pantai Barat, terutama Pelabuhan Klang menggunakan kereta api, sekali gus boleh menjimatkan kos.

“Harga produk ini akan lebih kompetitif kerana dibawa dengan kos pengangkutan yang lebih rendah.

“Justeru, pendapatan penduduk di bandar kecil di Pantai Timur Semenanjung akan lebih meningkat. Ini kebaikan projek berimpak tinggi ini,” katanya.

Mohd Irwan berkata, projek ECRL akan menawarkan pelbagai pekerjaan kepada anak tempatan.

“Kita juga akan bincang kemungkinan pembinaan kereta api dilakukan di Malaysia dalam usaha memindahkan teknologi kepada warga kita.

Malaysia pun nak mendapat manfaat daripada projek ini untuk rakyat,” katanya.

Fasa pertama projek bermula dari Gombak ke Dungun dan fasa seterusnya dari Dungun ke Tumpat.

➔ Alibaba bantu maju ekonomi digital Malaysia, **Ms.B1**

📺 Untuk video layari www.bharian.com.my